

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

**YBP 224 – Perhubungan Awam**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda mulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Pentadbir sebuah hospital swasta memutuskan untuk meluaskan peranan dan fungsi perhubungan awamnya. Dengan perluasan ini Bahagian Perhubungan Awamnya akan mengendalikan hubungan media yang kerap dan publisiti untuk program-program hospital, menerbitkan surat berita untuk komuniti dan kumpulan-kumpulan pengguna dan juga menguruskan majlis-majlis rasmi hospital seperti "Festival Kesihatan" yang diadakan secara tahunan. Pentadbir tersebut telah meminta pandangan anda terhadap perkara-perkara berikut:
  - a. Pandangan tentang kebaikan dan keburukan menambah bilangan pengamal perhubungan awam sebagai kakitangan di bahagian perhubungan awam dan juga kebaikan dan keburukan menggunakan perkhidmatan firma perhubungan awam tempatan untuk menjalankan peranan dan fungsi yang diperluaskan.
  - b. Cadangkan aktiviti PR yang manakah yang paling sesuai dilaksanakan oleh firma perhubungan awam luaran? Berikan alasan terhadap cadangan anda tersebut.

(100 markah)

2. Jelaskan mengapa perancangan perhubungan awam amat penting dan gariskan langkah-langkah atau bahagian-bahagian proses yang anda akan masukkan dalam kerangka program.

(100 markah)

3. Dalam membentuk mesej perhubungan awam untuk media dan pengampang media (gate keepers) seseorang pengamal perlu memberi perhatian kepada nilai berita (news value) sesuatu mesej. Senarai dan huraikan kriteria-kriteria yang digunakan oleh penampang media untuk menentukan nilai berita sesuatu mesej perhubungan awam itu.

(100 markah)

4. Pengkaji-pengkaji kempen informasi awam (Public Information Campaign) telah mengenalpasti sebab-sebab kenapa sesuatu kempen itu gagal dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaannya. Bincangkan sebab-sebab kegagalan kempen informasi awam yang diberikan oleh Hyman dan Sheatsley (dalam Cutlip, et.al. 1999).

(100 markah)

-••••-